

26/05/1997

Pusat Inkubasi beri peluang syarat baru

Mohd Fuad Razali

PUSAT Inkubasi Teknologi Satu Universiti Putra Malaysia-Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (UPM-MTDC) dilancar dengan rasminya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 April lalu.

Seperti namanya, penubuhan pusat itu bertujuan menyediakan ruang bagi membolehkan syarikat yang mengeluarkan produk berasaskan teknologi beroperasi di situ.

Bagaimanapun, menurut Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UPM, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie, ruang itu disediakan hanya untuk syarikat yang baru ditubuhkan.

Katanya, langkah itu bertujuan membolehkan syarikat terbabit memberi tumpuan untuk membangunkan produk masing-masing sebelum berupaya menembusi pasaran atau mendapatkan pihak yang bersedia melabur bagi pengeluaran produk secara besar-besaran.

"Sebab itulah kita namakan pusat inkubasi. Jika ada di antara syarikat ini yang berjaya mendapat pasaran, mereka tidak lagi boleh beroperasi di pusat ini," katanya kepada Berita Pendidikan.

Menurut Dr Zohadie, ruang yang ada di pusat itu sebenarnya disewakan kepada syarikat terbabit. Kadar sewa yang dikenakan ialah RM1.80 sebulan bagi setiap kaki persegi.

Katanya, kadar itu adalah sangat rendah berbanding dengan kemudahan yang boleh dinikmati penyewanya memandangkan syarikat terbabit baru saja ditubuhkan dan belum mempunyai sebarang sumber pendapatan.

UPM menyediakan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan kepada syarikat yang beroperasi di pusat itu. Antaranya ialah setiap syarikat dihubungkan dengan UPMNet, talian maklumat yang dibangunkan oleh UPM. Dengan itu, mereka boleh mendapat maklumat menerusi Rangkaian Maklumat UPM serta Internet.

Selain itu, syarikat penyewa juga boleh menggunakan kemudahan dan peralatan yang disediakan di semua fakulti di UPM serta mendapat khidmat nasihat mengenai kewangan, perniagaan dan teknologi.

Menurut Dr Zohadie, semua perkhidmatan itu dikenakan caj yang sangat minimum sejajar dengan hasrat untuk menggalakkan syarikat baru membabitkan diri dalam bidang teknologi.

Sesuai dengan kedudukannya di tengah-tengah Koridor Raya Multimedia (MSC), pusat itu memberi keutamaan kepada syarikat yang ditubuhkan untuk mengeluarkan produk berasaskan multimedia.

Sehubungan itu, semua syarikat multimedia yang baru ditubuhkan boleh memohon untuk menyewa ruang di pusat itu dalam tempoh masa mereka membangunkan produk masing-masing.

Dr Zohadie berkata penekanan terhadap syarikat multimedia adalah selari dengan penekanan kerajaan sendiri terhadap bidang berkenaan.

"Selain itu, potensi perniagaan dalam bidang itu juga sangat besar pada masa depan. Seorang sarjana menganggarkan nilai industri multimedia di seluruh dunia pada 1996 ialah AS\$1 trilion. Beliau menganggarkan nilai perniagaan itu akan meningkat kepada AS\$1.47 trilion pada 2005," katanya.

Sejak dibuka Januari lalu, sehingga kini ada 13 syarikat yang sedang menyewa di pusat berkenaan. Daripada jumlah itu, 12 adalah syarikat berasaskan multimedia, teknologi maklumat dan telekomunikasi.

Syarikat itu ialah Utusan PNMB On-Line Sdn Bhd, Alam Teknokrat Sdn Bhd, FJ Technologies Sdn Bhd, MTDC Technology Media Sdn Bhd, UPM-MTDC Multimedia Academy Sdn Bhd, HTI Systems Sdn Bhd, World View Sdn Bhd,

Aimquest (M) Corp Sdn Bhd, Internetwork Micro Solution Sdn Bhd, Massmedia Interactive Sdn Bhd, Malaysian Optronics Systems Sdn Bhd serta Telekom Malaysia Berhad (Unit Penyelidikan dan Pembangunan).

Sebuah syarikat lagi berasaskan bioteknologi iaitu Malaysia Agri Hi-Tech Sdn Bhd yang ditubuhkan bagi memasarkan hasil produk penyelidikan pensyarah UPM.

Menurut Dr Zohadie, peluang untuk syarikat bukan berasaskan multimedia beroperasi di pusat itu hanya dibenarkan bagi syarikat yang bertujuan memasarkan hasil penyelidikan UPM sahaja.

Langkah itu, katanya, sejajar dengan hasrat UPM untuk menggalakkan kegiatan mengkomersilkan hasil penyelidikan yang dijalankan oleh kakitangan akademiknya.

Sehubungan itu, katanya, jika ada pihak yang berminat berbuat demikian, mereka bukan sahaja boleh menubuhkan syarikat untuk mengkomersilkan hasil penyelidikan berasaskan multimedia dan sains, tetapi juga hasil penyelidikan dalam bidang sains sosial.

Pusat Inkubasi Teknologi Satu itu dibina di atas tanah seluas 15.6 hektar. Ketika ini pusat itu mempunyai lima bangunan dengan tapak seluas 25,000 kaki persegi. Sebanyak tujuh lagi blok baru dengan keluasan tapak 90,000 kaki persegi akan dibina bagi menampung keperluan syarikat lain.

Apabila siap kelak, pusat itu boleh memuatkan kira-kira 1,000 pekerja serta dilengkapi pelbagai kemudahan termasuk kafeteria untuk menjadikannya pusat tumpuan.

Setakat ini, UPM sudah membelanjakan RM3 juta untuk membina bangunan yang ada. Untuk membina bangunan baru itu, ia memerlukan RM10 juta lagi. Ini akan dibiayai menggunakan sumber pendapatan yang diperolehi daripada sewa tapak di lima blok yang ada serta pelaburan MTDC sendiri.

Pembinaan blok baru itu kini sudah memasuki fasa kedua dan dijangka siap dalam tempoh enam bulan sebelum diikuti fasa ketiga. Apabila siap kelak, separuh daripada penyewa yang ada akan dipindahkan ke blok baru itu memandangkan ketika ini mereka terpaksa berkongsi ruang. Di samping itu, ada 10 syarikat lagi yang sedang menunggu giliran untuk memasuki pusat itu.

Menurut Dr Zohadie, sambutan yang diterima daripada pihak di luar kampus sungguh menggalakkan. Perkara itu bukan sahaja kerana kemudahan yang disediakan serta caj yang berpatutan, tetapi juga tarikan persekitaran kampus itu sendiri yang dikelilingi tumbuhan hijau serta jauh daripada suasana hiruk-pikuk.

Tambahan pula, kemudahan yang ada di UPM membolehkan syarikat yang baru ditubuhkan memberi tumpuan kepada kerja untuk membangunkan produk masing-masing untuk dikomersilkan.

Memandangkan syarikat yang sudah berjaya mendapat pasaran terpaksa keluar daripada pusat itu, UPM bercadang menubuhkan satu lagi pusat teknologi bagi menampung keperluan tapak operasi bagi syarikat itu. Tempat itu yang akan dikenali sebagai Taman Milineum Teknologi dicadangkan dibina di Puchong.

Menurut Dr Zohadie, pembinaan taman seumpama itu akan membolehkan syarikat yang sudah berjaya mendapatkan pasaran mendirikan kilang atau loji pengeluaran masing-masing.

"Memandangkan pengeluaran syarikat terbabit berkait dengan multimedia, ia tidak akan mencemarkan alam sekitar," katanya.

Mengimbas kembali penubuhan pusat itu, Dr Zohadie berkata, idea asal adalah untuk mengkomersilkan hasil penyelidikan yang dijalankan oleh kakitangannya.

Seperti kata Dr Zohadie, ketika ini memang banyak hasil penyelidikan di institusi pengajian tinggi tempatan yang tidak dikomersilkan pada hal penyelidikan terhadapnya sudah selesai.

"UPM memang sudah lama berhasrat untuk mengkomersilkan hasil penyelidikan stafnya tetapi tidak mempunyai wang. Jadi, langkah kerajaan menubuhkan MTDC yang berperanan mengkomersilkan produk penyelidikan dan agensi ini pula mempunyai sumber kewangan untuk berbuat demikian, maka UPM pun mengemukakan idea penubuhan pusat ini," katanya.

Untuk tujuan itu, katanya, UPM menggalakkan pihak berkenaan menubuhkan syarikat perkongsian bersama dengan pensyarah terbabit. Pensyarah terbabit juga boleh dilantik menjadi pengarah bukan eksekutif syarikat berkenaan untuk membolehkan mereka mempunyai suara dalam pengurusan. Bagaimanapun mereka perlu mendapat kebenaran daripada Naib Canselor UPM terlebih dahulu.

Dengan penubuhan syarikat itu, penyelidik UPM akan turut diberi ekuiti dalam syarikat berkenaan. Langkah itu boleh dilakukan kerana Akta Universti dan Kolej Univesiti kini membenarkan pensyarah berbuat demikian.

Malah, UPM sendiri berhasrat untuk memegang sedikit ekuiti dalam syarikat yang mengkomersilkan hasil produk UPM apabila dikorporatkan tidak lama lagi. Langkah itu wajar memandangkan penyelidikan produk berkenaan dijalankan oleh kakitangannya dan menggunakan geran universiti.

"Pada masa lalu, kita mempunyai masalah untuk mengekalkan pensyarah di universiti, terutama yang berjaya dalam bidang penyelidikan. Dengan cara ini, dia boleh berada di universiti dan terus menjadi pensyarah.

"Kita boleh beri peluang untuk mereka buat duit dengan cara hasil penyelidikannya dikomersilkan melalui syarikat yang ditubuhkan. Ini juga membolehkannya berkembang dari segi kewangan," katanya.

Menerusi kaedah itu juga, pensyarah terbabit boleh menjadi perunding sama ada untuk membangunkan produk penyelidikan atau menjalankan kajian lanjutan. Dengan itu, selain memiliki ekuiti, mereka berpeluang menjalankan kerja perundingan dan mendapat bayaran bagi tujuan itu.

"Jika kita hendak memasuki era baru, kita harus menggalakkan teknologi tempatan yang sesuai dikomersilkan," kata Dr Zohadie.

(END)